

**Kerajaan Pusat Perlu Tegas Dalam Meneruskan Projek Langat 2 – GPRS
Bernama
24 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Gerakan Prihatin Rakyat Selangor (GPRS) dan 20 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berharap kerajaan pusat mengambil pendirian tegas dalam menentukan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dapat diteruskan.

Pengerusi GPRS Datuk Sohaimi Shahadan berkata pembinaan Loji Langat 2 perlu diteruskan segera memandangkan projek itu telahpun separuh siap.

"Kita tidak mahu projek ini dibiarkan terbengkalai dan menjadi gajah putih kerana projek itu sangat penting bagi menentukan rakyat, terutama di Lembah Klang, tidak berhadapan dengan krisis air pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pengurusan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) di sini pada Selasa.

Beliau berkata GPRS akan menyebarkan lebih 500,000 risalah ke seluruh Selangor bagi menjelaskan kepada orang ramai mengenai keadaan sebenar isu Loji Langat 2.

Loji Rawatan Air Langat 2 adalah sebahagian daripada projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Projek itu tidak dapat diteruskan buat masa ini kerana tidak mendapat restu kerajaan Selangor.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682872>

